

07 JUN 1998

Abdullah-Veteran

NIAT GOLONGAN VETERAN PARTI TIDAK PERLU DIPERTIKAI, ABDULLAH

SUNGAI PETANI, 7 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta semua pihak supaya tidak mempertikaikan niat dan tujuan golongan veteran parti membantu kerajaan memberikan penjelasan kepada rakyat mengenai keadaan ekonomi negara.

Katanya semua pihak tidak perlu membuat spekulasi kerana golongan ini hanya ingin bekerjasama dengan kerajaan.

"Usaha yang dilakukan oleh golongan veteran itu yang diketuai bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Ghafar Baba diharap akan membawa kebaikan kepada masyarakat dan negara.

"Mereka masih ada pengaruh, pandangan mereka masih didengari, serta keputusan itu diterima baik oleh Majlis Tertinggi ketika ia diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat MT tidak lama dahulu," katanya pada sidang berita selepas merasmikan perkhemahan motivasi Pemuda Umno Bahagian Kepala Batas di Pantai Merdeka, dekat sini.

Beliau mengulas laporan mengenai kira-kira 200 golongan itu yang akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Umno pada 13 Jun bagi mendapatkan penjelasan perkembangan semasa ekonomi negara.

Abdullah gembira dengan tindakan veteran Umno itu untuk memberi sokongan kepada kerajaan bagi menjelaskan mengenai kegawatan ekonomi sekarang.

Beliau tidak nampak golongan veteran dan golongan muda sekarang ini akan bertelagah kerana semua pihak sama ada muda atau veteran, pemuda atau wanita menyokong usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Abdullah berkata usaha golongan veteran itu juga tidak boleh disalahertikan untuk kembali ke tampuk kepimpinan kerana ia dilakukan lama selepas proses pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian parti dijalankan.

"Kita mesti melihat peranan mereka untuk membantu kerajaan memberi penerangan (mengenai kegawatan ekonomi)," katanya.

Beliau yang juga Menteri Luar berkata dasar negara menghantar balik pendatang tanpa izin masih tidak berubah walaupun terdapat perubahan kepimpinan di negara jiran, Indonesia.

-- BERNAMA

AHM RON